



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 14

JUN 2025

BULETIN APB

DIGITAL LEARNING

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Media Sosial Pemangkin Pembelajaran Digital di Institusi Pendidikan Tinggi

NORHIDAYU MD YATIM

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU

Media sosial sememangnya tidak asing lagi dan merupakan komponen utama yang digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat global. Menurut Woodward (2025), kira-kira 58.4% daripada penduduk dunia menggunakan media sosial hari ini bersamaan dengan 4.26 bilion orang, yang mana purata penggunaan media sosial harian ialah selama 2 jam dan 27 minit. Penggunaan media sosial dilihat meningkat kepada kadar purata 13.5 peratus pengguna baharu setiap saat sepanjang tahun 2021 dan hampir 75 peratus penduduk dunia yang berumur 13 tahun ke atas menggunakannya dengan pelbagai cara. Secara umumnya, media sosial digunakan bagi mendapatkan maklumat berita terkini, mengisi masa lapang, dan menghubungi rakan serta ahli keluarga.

Di samping itu, penggunaan media sosial dilihat mampu menyokong pembelajaran digital di peringkat pendidikan tinggi, yang mana ia ternyata telah membuka banyak peluang kepada pensyarah dan pelajar dalam mempelbagaikan cara praktikal pengajaran dan pembelajaran secara digital serta merapatkan jurang pembelajaran dalam kalangan pelajar.

Kajian Pearson (2018) yang dijalankan oleh firma penyelidikan pasaran global yang berpangkalan di New York, *The Harris Poll* mendapati majoriti generasi *Gen-Z* yang berumur 14 hingga 23 tahun memilih Youtube dan video dalam talian sebagai alat perantaraan pembelajaran digital mereka berbanding buku bercetak. Malah, mereka turut mengakui bahawa media sosial telah menyumbang kepada proses pembelajaran mereka. Ini memperlihatkan peralihan ke arah media digital sebagai sumber pembelajaran yang digemari dalam kalangan pelajar muda seterusnya menyokong kepada pembelajaran digital. Manakala Johnson dan Veletsianos (2021) mendapati warga akademik fakulti yang menggunakan media sosial



lebih cenderung menggunakan aplikasi media sosial seperti Facebook dan Youtube untuk berkomunikasi dengan pelajar. Pensyarah dan pelajar di institusi pendidikan tinggi memanfaatkan media sosial dalam usaha meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran serta berhubung dengan cara yang inovatif. Trend ini menggambarkan peringkat penglibatan dan penggunaan media sosial dalam kalangan pensyarah dan pelajar di insititut pendidikan tinggi telah membuka ruang kepada inovasi pengajaran dan pembelajaran ke arah transformasi pembelajaran secara digital.


Media sosial berupaya mengubah dan meningkatkan pengalaman pembelajaran secara digital. Kelebihan utama media sosial dalam pembelajaran digital kepada pelajar termasuk:

- 1. Media sosial meningkatkan penglibatan dan penyertaan pelajar.** Penggunaan media sosial dapat mengatasi dan mengurangkan halangan keterlibatan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, terutama bagi pelajar yang kurang selesa untuk bersuara di ruang kuliah yang besar. Media sosial memberi peluang yang sama kepada setiap pelajar untuk menyuarakan pendapat mereka melalui siaran atau komen. Di samping itu, media sosial terutamanya *Youtube*, *Instagram*, *Facebook* dan

Tiktok boleh menjadi zon neutral interaksi yang lebih selesa dalam perbincangan dalam talian berbanding secara bersemuka. Selain itu juga, media sosial memberi setiap pelajar peluang yang sama walaupun mereka mempunyai kepelbagaian personaliti dan latar belakang yang berbeza. Tambahan pula, media sosial dilihat mampu memastikan pelbagai perspektif dikongsi dalam proses pembelajaran digital. Hal ini dapat meningkatkan penglibatan keseluruhan pelajar jika pelajar aktif dalam perbincangan, terlibat membahaskan kandungan di dalam kumpulan sembang kelas seterusnya mewujudkan persekitaran pembelajaran digital yang inklusif.

2. Media sosial menyediakan akses kepada pelbagai sumber pembelajaran digital di hujung jari pelajar. Platform media sosial seperti Youtube mempunyai pelbagai video pengajaran seperti rakaman kuliah, tutorial cara kerja, dan video animasi penjelasan yang merangkumi pelbagai topik dan subjek. Kebanyakan video ini lengkap dengan penjelasan, ringkas dan mudah difahami. Sumber digital ini boleh diakses secara percuma dan boleh disesuaikan mengikut keperluan dan kesediaan pelajar. Hal ini membantu mengurangkan jurang pemahaman antara pelajar dan seterusnya membantu memenuhi gaya pembelajaran yang berbeza.

3. Media sosial menyokong kepada pembelajaran perseorangan yang fleksible. Media sosial tersedia secara 24/7 dan boleh diakses menggunakan peranti mudah alih. Oleh itu, dengan menggunakan media sosial, pengalaman pembelajaran boleh disesuaikan mengikut keperluan individu. Pelajar mempunyai fleksibiliti untuk belajar pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Justeru, jika kuliah mengelirukan, pelajar boleh menyertai sesi soal jawab melalui kumpulan sembang melalui platform *Whatsapp* atau *Telegram*. Pelajar juga boleh meneruskan minat individu mereka di luar sukatan pelajaran dengan mengikuti halaman atau saluran yang berkaitan. Selain itu, pelajar juga bebas meneroka dan mengetahui tentang penyelidikan baru melalui saluran komunikasi sains di *Twitter* atau *Facebook*. Penerokaan sendiri seperti ini dapat menjadikan pembelajaran sebagai proses yang berterusan.



4. Penggunaan media sosial boleh meningkatkan kemahiran literasi digital dan komunikasi pelajar. Penggunaan media sosial dalam konteks akademik boleh membantu pelajar membina dan meningkatkan kemahiran literasi digital dan komunikasi. Pelajar perlu mencari, mengenal pasti dan menyaring maklumat dalam talian, belajar untuk membezakan sumber yang boleh dipercayai, yang juga merupakan latihan berfikir secara kritis. Interaksi pelajar dalam forum atas talian dan pendedahan kerja secara berpasukan secara dalam talian boleh meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Pelajar mempelajari etika komunikasi dalam talian seperti cara bertanya soalan secara berkesan melalui forum dalam talian dan cara kerja berpasukan melalui pengalaman mereka.

Secara keseluruhan, media sosial membantu memperkasa pelajar untuk mengambil peranan yang lebih aktif dan terlibat dalam proses pembelajaran. Ia boleh menghubungkan mereka dengan rakan-rakan dan maklumat melalui cara yang dapat menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan menyeronokkan. Kuncinya, kelebihan-kelebihan ini boleh terhasil hanya apabila media sosial digunakan dalam pembelajaran secara sukarela dan seterusnya turut membantu merapatkan jurang pembelajaran digital yang biasa berlaku dalam kalangan pelajar.

Bagi merealisasikan manfaat media sosial kepada pelajar dalam pembelajaran digital, ianya memerlukan pelaksanaan yang bijaksana. Halangan seperti maklumat yang salah dan akses yang tidak setara perlu diurus melalui garis panduan dan sokongan yang jelas. Pensyarah dan warga pendidik perlu memastikan penggunaan media sosial dalam pembelajaran digunakan secara seimbang dan bertujuan. Ini kerana, apabila digunakan dengan bijak, media sosial boleh menjadi pemangkin yang kuat untuk perubahan positif ke arah kelancaran pembelajaran digital di peringkat institusi pendidikan tinggi. Diakui, bahawa media sosial mempunyai keupayaan untuk menjadikan pembelajaran digital khususnya lebih terhubung dan menarik. Ia membolehkan ilmu pengetahuan dikongsi secara percuma, menggalakkan kerjasama tanpa had, dan setiap pelajar mempunyai peluang untuk berkembang dalam era digital.

Rujukan

Johnson, N. & Veletsianos, G. (2021). Digital Faculty: Faculty social media use and communications. Bay View Analytics.
files.eric.ed.gov/fulltext/ED617098.pdf

The Harris Poll. (2018). Beyond Millennials: The Next Generation of Learners. Pearson Global Research & Insights.
https://www.pearson.com/content/dam/one-dot-com/one-dot-com/global/Files/news/news-announcements/2018/The-Next-Generation-of-Learners_final.pdf

Woodward, M. (2025, April 1). *Social Media User Statistics: How Many People Use Social Media?* SearchLogistics.
<https://www.searchlogistics.com/learn/statistics/social-media-user-statistics/>